

KESEDIAAN PELAJAR OPEN DISTANCE LEARNING TERHADAP PEMBELAJARAN KENDIRI

[READINESS OF OPEN DISTANCE LEARNING STUDENTS FOR SELF- LEARNING]

EMMANUEL AARON ALVIN UPING BERNADINE^{1*} & FARIZA KHALID¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Correspondent Email: p151844@siswa.ukm.edu.my

Received: 24 June 2024

Accepted: 26 July 2024

Published: 23 September 2025

Abstrak: Kajian ini bertujuan menilai tahap kesediaan pelajar Open Distance Learning (ODL) dalam mengamalkan pembelajaran sendiri (Self-Regulated Learning - SRL) serta mengenal pasti cabaran, impak dan cadangan penambahbaikan dari perspektif pelajar. Pendekatan kualitatif digunakan melalui kaedah temu bual separuh berstruktur, pemerhatian dan analisis dokumen terhadap 10 orang pelajar ODL dari pelbagai latar belakang di Universiti Kebangsaan Malaysia. Hasil kajian menunjukkan pelajar ODL memiliki tahap kesediaan yang berbeza, sebahagian bersedia sepenuhnya, manakala yang lain masih bergantung kepada bimbingan dan sumber luaran. Antara cabaran utama yang dikenalpasti termasuklah kekangan masa, kekurangan disiplin, masalah capaian teknologi serta ketiadaan interaksi fizikal yang boleh menjejaskan motivasi. Namun, pembelajaran sendiri melalui ODL turut memberi impak positif dalam aspek penguasaan subjek, peningkatan kemahiran teknologi dan aplikasi ilmu dalam konteks sebenar. Kajian turut mencadangkan kepentingan motivasi dalaman, bimbingan pensyarah secara berkala, rakaman kuliah serta fleksibiliti sistem sebagai faktor penting dalam memperkukuh keberkesanan SRL. Kesimpulannya, keberhasilan ODL amat bergantung kepada tahap penguasaan SRL pelajar serta sokongan berterusan daripada institusi dan tenaga pengajar.

Kata Kunci: Open Distance Learning, pembelajaran sendiri, Self-Regulated Learning, kesediaan pelajar, cabaran ODL.

Abstract: This study aims to assess the level of readiness of Open Distance Learning (ODL) students in practicing self-regulated learning (SRL) and identify the challenges, impacts and suggestions for improvement from the students' perspective. A qualitative approach was used through semi-structured interviews, observations and document analysis of 10 ODL students from various backgrounds at Universiti Kebangsaan Malaysia. The results of the study showed that ODL students have different levels of readiness, some are fully prepared, while others still depend on guidance and external resources. Among the main challenges identified include time constraints, lack of discipline, problems with access to technology and the absence of physical interaction that can affect motivation. However, self-regulated learning through ODL also has a positive impact in terms of subject mastery, improving technological skills and applying knowledge in real contexts. The study also suggests the importance of internal motivation, regular lecturer guidance, lecture recording and system flexibility as important factors in strengthening the effectiveness of SRL. In conclusion, the success of ODL greatly depends on the level of students' SRL mastery as well as continuous support from the institution and teaching staff.

Keywords: Open Distance Learning, Self-Regulated Learning, student readiness, ODL challenges

Cite This Article:

Emmanuel Aaron Alvin Uping Bernadine & Fariza Khalid. (2025). Kesiediaan Pelajar Open Distance Learning Terhadap Pembelajaran Kendiri [Readiness Of Open Distance Learning Students For Self-Learning]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 5(4), 119-126.

PENGENALAN

Open Distance Learning (ODL) semakin mendapat tempat sebagai alternatif kepada pendidikan konvensional. Menurut Garrison (2020) ODL semakin mendapat tempat terutamanya bagi pelajar yang bekerja dan mereka yang mempunyai komitmen lain. Pembelajaran secara ODL semakin berkembang pesat di Malaysia sebagai satu alternatif pendidikan yang amat fleksibel dan boleh diakses oleh pelajar dari pelbagai sudut latar belakang (Moore & Kearsley, 2019). Mod pembelajaran ini membolehkan pelajar belajar secara sendiri tanpa perlu menghadirkan diri ke kelas fizikal yang memberi mereka kebebasan dalam mengurus masa dan gaya pembelajaran masing-masing. Menurut Pintrich (2004) pembelajaran sendiri amat penting dalam konteks ODL kerana ketiadaan interaksi secara langsung dengan tenaga pengajar dan rakan sekelas boleh menjejaskan motivasi serta tahap pencapaian pelajar. Di Malaysia, pembelajaran secara Self-Regulated Learning (pembelajaran sendiri) memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan pelajar dalam sistem ODL. Pembelajaran sendiri merangkumi aspek kognitif, tingkahlaku, motivasi dan metakognitif yang membolehkan pelajar mengawal proses pembelajaran sendiri (Panadero, 2022). Kajian Broadbent dan Poon (2021) menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai tahap pembelajaran sendiri yang tinggi akan lebih berdisiplin dalam mengurus pembelajaran mereka dan cenderung memperoleh pencapaian akademik dengan lebih baik. Sebaliknya, pelajar yang kurang kemahiran dalam pembelajaran sendiri lebih cenderung untuk menangguhkan tugas dan mengalami kesukaran dalam memahami bahan pembelajaran tanpa bimbingan langsung (Barnard et al., 2020). Walaupun kelebihan ODL diakui secara meluas, terdapat pelbagai cabaran dalam memastikan pelajar benar-benar bersedia untuk pembelajaran secara sendiri. Kajian terdahulu Azevedo & Hadwin (2005) dan Kizilcec et al. (2017) menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar menghadapi kesukaran dalam mengurus masa, mengekalkan disiplin diri, serta menggunakan strategi pembelajaran yang berkesan dalam persekitaran ODL. Namun begitu, tidak semua pelajar ODL memiliki tahap kesiediaan yang sama dalam mengamalkan pembelajaran sendiri. Faktor seperti motivasi sendiri, disiplin diri, ketersediaan sokongan pembelajaran, dan akses kepada teknologi boleh mempengaruhi sejauh mana pelajar mampu mengurus pembelajaran mereka secara berkesan (Shea & Bidjerano, 2021). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis tahap kesiediaan pelajar ODL dalam mengamalkan pembelajaran sendiri.

PENYATAAN MASALAH

Dalam era digital dan globalisasi, ODL telah menjadi alternatif utama bagi pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran secara fleksibel tanpa menghadiri kelas secara fizikal (Moore & Kearsley, 2019). Menurut Adnan et al. (2024) di Malaysia, peningkatan ketara dalam penyertaan pelajar ke dalam sistem ODL dapat dilihat melalui institusi seperti Universiti Kebangsaan Malaysia. Menurut Rahman et al. (2022) Universiti Terbuka Malaysia (OUM) dan

program e-Pembelajaran di universiti awam dan swasta juga ada menyediakan program ODL. Walau bagaimanapun, kejayaan pembelajaran dalam sistem ini bergantung kepada keupayaan pelajar menguruskan pembelajaran mereka secara Self-Regulated Learning (SRL), yang merangkumi aspek perancangan, pemantauan dan refleksi terhadap proses pembelajaran (Zimmerman, 2002). Kajian mendapati bahawa pelajar yang mengamalkan pembelajaran sendiri dengan baik lebih berkemungkinan mencapai keputusan akademik yang cemerlang kerana mereka mempunyai disiplin sendiri dan strategi pembelajaran yang sistematik (Pintrich, 2004). Namun, kesediaan pelajar dalam mengadaptasi pembelajaran sendiri dalam konteks ODL masih menjadi cabaran di Malaysia. Kajian terdahulu Ismail & Aziz (2021) dan Zainuddin et al. (2021) menunjukkan bahawa ramai pelajar ODL mengalami kesukaran dalam menguruskan pembelajaran secara sendiri disebabkan oleh faktor seperti kekurangan motivasi, kemahiran metakognitif yang rendah, serta persekitaran pembelajaran yang tidak kondusif. Selain itu, faktor teknologi dan kemudahan akses kepada bahan pembelajaran turut memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar ODL (Hassan et al., 2022).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan pelajar ODL dalam mengamalkan Pembelajaran Kendiri, di samping meneroka cabaran utama yang dihadapi oleh mereka dalam menguruskan proses tersebut. Selain itu, kajian ini juga meneliti bagaimana Pembelajaran Kendiri memberi impak terhadap penguasaan ilmu dan kemahiran dalam kalangan pelajar ODL. Seterusnya, ia turut mengenal pasti cadangan daripada pelajar ODL sendiri dalam usaha meningkatkan keberkesanan amalan Pembelajaran Kendiri.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk kajian kes bagi meneroka kesediaan pelajar ODL terhadap pembelajaran sendiri atau SRL. Seramai sepuluh orang pelajar ODL di Universiti Kebangsaan Malaysia dipilih sebagai sampel kajian, dengan latar belakang yang berbeza dari segi umur, kerjaya dan pengalaman pembelajaran. Kepelbagaian ini membolehkan penyelidik memperoleh gambaran yang lebih menyeluruh mengenai tahap kesediaan pelajar terhadap pembelajaran sendiri. Bagi pengumpulan data, temu bual separa berstruktur digunakan untuk mendapatkan pandangan serta pengalaman pelajar secara lebih mendalam. Instrumen kajian terdiri daripada panduan temu bual dan pemerhatian yang dibangunkan berasaskan Model SRL oleh Zimmerman (2002), yang menekankan aspek perancangan, pemantauan dan refleksi dalam pembelajaran sendiri. Seterusnya, data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik yang diperkenalkan oleh Braun dan Clarke (2006). Proses ini melibatkan langkah kodifikasi, pembentukan tema, serta penggabungan maklumat melalui triangulasi bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian. Melalui pendekatan ini, penyelidik dapat mengenal pasti tema utama yang berkaitan dengan tahap kesediaan pelajar ODL terhadap pembelajaran sendiri serta memahami faktor-faktor yang mempengaruhinya.

HASIL KAJIAN

Kajian mendapati tahap kesediaan pelajar ODL terhadap SRL berbeza mengikut motivasi, disiplin, kemahiran teknologi, serta sokongan persekitaran. Dapatan utama dibahagikan kepada tiga aspek:

1. Tahap Kesediaan Pelajar

Ada pelajar yang menunjukkan kesediaan tinggi dengan disiplin masa dan strategi pembelajaran tersusun.

“Saya biasanya buat jadual belajar sendiri... supaya tidak tertinggal dengan kuliah online.” (Responden 3)

Sebaliknya, ada pelajar yang masih kurang berdisiplin dan sukar menyesuaikan diri.

“Kadang-kadang susah nak fokus sebab suasana rumah tak kondusif.” (Responden 7)

2. Cabaran Utama

Kekangan masa kerana perlu mengurus kerja, keluarga, dan belajar serentak.

“Saya kena bahagi masa antara kerja dan assignment memang mencabar.” (Responden 5)

Masalah capaian teknologi & internet yang menjejaskan kelancaran pembelajaran.

“Internet slow, susah nak ikut kelas live.” (Responden 2)

Kurang interaksi fizikal dengan pensyarah dan rakan sebaya, menyebabkan rasa terasing.

“Belajar sorang-sorang online ni kadang rasa sunyi, tak ada kawan nak bincang.” (Responden 8)

3. Impak dan Manfaat

Walaupun mencabar, ODL dengan SRL membantu pelajar meningkatkan kemahiran teknologi dan pengurusan diri.

“Sekarang saya lebih pandai guna aplikasi macam Google Meet, Padlet, dan

LMS UKM.” (Responden 1)

Pelajar juga lebih mampu mengaplikasikan ilmu dalam situasi sebenar.

“Apa yang saya belajar terus saya guna dalam kerja.” (Responden 4)

4. Cadangan Penambahbaikan

Pelajar mencadangkan agar kuliah dirakam untuk ditonton semula.

“Kalau ada rakaman kuliah lebih senang, sebab kadang-kadang tak sempat join live.” (Responden 6)

Perlunya bimbingan pensyarah secara berkala dan sistem yang lebih fleksibel.

“Kalau pensyarah boleh buat check-in mingguan, kami rasa lebih terbimbing.” (Responden 9)

PERBINCANGAN

Perbincangan kajian ini menegaskan bahawa kesediaan pelajar ODL terhadap SRL adalah faktor penentu kejayaan dalam pembelajaran jarak jauh.

1. Kepelbagaian Tahap Kesediaan

Selari dengan model SRL oleh Zimmerman (2002), kajian menunjukkan pelajar yang mempunyai motivasi dalaman dan strategi pembelajaran tersusun lebih berupaya mengurus pembelajaran sendiri. Namun, pelajar yang bergantung kepada pensyarah dan kurang disiplin berdepan risiko keciciran, sepertimana yang turut dilaporkan oleh Broadbent dan Poon (2021).

2. Cabaran Kontekstual dalam ODL

Kekangan masa, capaian teknologi yang tidak stabil, serta kurangnya interaksi fizikal menjejaskan pengalaman pembelajaran. Hal ini konsisten dengan dapatan Shea dan Bidjerano (2021) yang menekankan kepentingan sokongan sosial dan teknikal dalam ODL.

3. Manfaat dan Impak Positif

Walaupun cabaran wujud, SRL melalui ODL meningkatkan kemahiran teknologi dan keupayaan pengurusan diri. Ini menyokong pandangan Pintrich (2004) bahawa SRL bukan sahaja membina akademik, tetapi juga kompetensi insaniah yang penting dalam pembelajaran sepanjang hayat.

4. Cadangan Penambahbaikan

Pelajar mencadangkan rakaman kuliah, bimbingan pensyarah secara berkala, dan sistem pembelajaran yang lebih fleksibel. Cadangan ini selari dengan amalan terbaik dalam ODL yang menekankan blended support system dan akses pembelajaran yang boleh diulang (asynchronous learning).

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa tahap kesediaan pelajar ODL terhadap pembelajaran sendiri (SRL) adalah pelbagai, dipengaruhi oleh faktor motivasi, disiplin, kemahiran teknologi, serta sokongan persekitaran. Walaupun pelajar berdepan cabaran seperti kekangan masa, capaian internet yang tidak stabil, dan kurangnya interaksi fizikal, pembelajaran sendiri melalui ODL turut memberi impak positif dalam meningkatkan penguasaan ilmu, kemahiran teknologi, dan pengurusan diri. Secara keseluruhan, dapatan ini menegaskan bahawa keberkesanan ODL bergantung kepada kemampuan pelajar mengaplikasikan strategi SRL secara konsisten, di samping sokongan daripada pensyarah dan institusi. Rakaman kuliah, bimbingan berkala, dan sistem pembelajaran yang fleksibel dikenal pasti sebagai faktor penting untuk memperkukuh keberhasilan SRL. Kajian ini menyumbang kepada literatur ODL dengan memberikan gambaran praktikal tentang realiti pembelajaran jarak jauh di kalangan pelajar, serta memberi implikasi kepada institusi pendidikan untuk merangka strategi sokongan yang lebih holistik bagi memperkasakan pembelajaran sendiri.

TERIMA KASIH

Penulis ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia dan semua peserta yang menyumbangkan masa dan pandangan mereka untuk penyelidikan ini. Penyelidikan ini dijalankan di bawah geran penyelidikan GG-2021-030.

RUJUKAN

- Adnan, Mohd Fahmi & Ahyan, Nurul. 2024. Implementation of Open Distance Learning (ODL) Programs for Postgraduate Studies in Malaysia: A Systematic Literature Review. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*. 13. 10.6007/IJARPED/v13-i3/22722.
- Azevedo, R., & Hadwin, A. F. 2005. Scaffolding self-regulated learning and metacognition—Implications for the design of computer-based scaffolds. *Instructional Science*, 33(5-6): 367-379.
- Barnard-Brak, L., Paton, V., & Lan, W. Y. 2020. Profiles in self-regulated learning in the online learning environment. *International Review of Research in Open and Distributed Learning*, 21(2): 20-38.
- Bozkurt, A., & Sharma, R. C. 2021. Emergency remote teaching in a time of global crisis due to the COVID-19 pandemic. *Asian Journal of Distance Education*, 15(1): 1-6.

- Broadbent, J., & Poon, W. L. 2021. Self-regulated learning strategies & academic achievement in online learning environments: A systematic review. *Educational Psychology Review*, 33(1): 1-20.
- Broadbent, J., & Poon, W. L. 2015. Self-regulated learning strategies & academic achievement in online higher education learning environments: *A systematic review*. **The Internet and Higher Education*, 27: 1-13.
- Garrison, D. R. 2020. *E-learning in the 21st century: A framework for research and practice* (3rd ed.). Routledge.
- Guglielmino, L. M. 1977. Development of the self-directed learning readiness scale. Doctoral Dissertation, University of Georgia.
- Hassan, N., Ahmad, R., & Ibrahim, S. 2022. Self-regulated learning challenges among ODL students in Malaysia. *Journal of Distance Education & Learning*, 15(2): 45-59.
- Ismail, F. & Aziz, R. 2021. The impact of self-discipline on self-regulated learning among Malaysian ODL students. *International Journal of Educational Research*, 9(1): 33-47.
- Jarvela, S., & Jarvenoja, H. 2011. Socially constructed self-regulated learning and motivation regulation in collaborative learning groups. *Teachers College Record*, 113 (2): 350-374.
- Kaur, A., Zainuddin, N., & Ismail, N. 2021. Self-regulated learning among Malaysian university students during ODL implementation: Challenges and strategies. *Journal of Educational Research and Practice*, 11(2): 45-60.
- Kizilcec, R. F., Pérez-Sanagustín, M., & Maldonado, J. J. 2017. Self-regulated learning strategies predict learner behavior and goal attainment in Massive Open Online Courses. *Computers & Education*, 104: 18-33.
- Knowles, M. S. 1984. *Andragogy in action: Applying modern principles of adult learning*. t.tp.: t.pt.
- Jossey- Bass. Moore, M. G., & Kearsley, G. 2019. *Distance education: A systems view of online learning* (3rd ed.). Wadsworth.
- Moore, M. G. 2013. The theory of transactional distance. In **Handbook of distance education** (pp. 66-85). Routledge.
- Means, B., Bakia, M., & Murphy, R. 2021. *Learning online: What research tells us about whether, when and how*. Routledge.
- Moore, M. G. 2019. The theory of transactional distance. In *Handbook of distance education* (4th ed., pp. 66-85). Routledge.
- Munir. 2009. *Pembelajaran Jarak Jauh Berbasis Teknologi Informasi dan Komunikasi*. Bandung: Alfabeta.
- Panadero, E. 2022. A review of self-regulated learning: Six models and four directions for research. *Educational Psychology Review*, 34(1): 1-33.
- Pintrich, P. R. 2004. A conceptual framework for assessing motivation and self-regulated learning in college students. **Educational Psychology Review*, 16(4): 385-407.
- Rahman, N. A., Salleh, H., & Yusof, M. 2022. Motivational factors influencing self-regulated learning in open distance education. *Malaysian Journal of Higher Education Studies*, 12(4): 78-92.
- Rahman, S., Aziz, N., & Hassan, S. 2022. Cabaran pelajar dalam pembelajaran sendiri ODL di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 47(1): 25–40.

- Saemah Rahman. 2006. *Metakognisi: Strategi Pembelajaran dan Aplikasi dalam Pendidikan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siahaan, S. 2005. Pemanfaatan Teknologi dalam Penyelenggaraan Program Pendidikan Terbuka/Jarak Jauh. *Jurnal Teknodik*, 16: 25-30.
- Shea, P., & Bidjerano, T. 2021. Learning presence: Towards a theory of self-efficacy, self-regulation, and the development of communities of inquiry in online learning environments. *Computers & Education*, 55(4): 1721-1731.
- Sitzmann, T., & Ely, K. 2020. Sometimes you need a reminder: The effects of self-regulated learning prompts on self-regulation and learning. *Journal of Educational Psychology*, 112(3): 499-511.
- Sun, J. C.-Y., & Rueda, R. 2021. Situational interest, computer self-efficacy, and self-regulation: Their impact on student engagement in distance education. *British Journal of Educational Technology*, 52(2): 191-204.
- Warren, S. R. 2018. Exploring the relationship between authentic leadership and teacher self-efficacy. *Journal of School Leadership*, 28(5): 619–646.
<https://doi.org/10.1177/105268461802800504>
- Zainal, N. R. B. M., & Mohd Matore, M. E. E. 2021. Teachers' trust and leadership practices: Towards effective school management in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(3): 541–553.
<https://doi.org/10.6007/IJARBS/v11-i3/8739>
- Zainuddin, N., Idris, M., & Harun, H. 2021. Effectiveness of self-regulated learning in online education: A Malaysian perspective. *E-Learning Journal of Asia*, 5(2): 12-28.
- Zhang, Y., Song, Y., Wang, T., & Liu, W. 2020. The influence of teacher leadership on teacher self-efficacy: The mediating role of trust in principal. *Educational Management Administration & Leadership*, 48(3): 389–409.
<https://doi.org/10.1177/1741143218802592>
- Zimmerman, B. J. 2021. Becoming a self-regulated learner: An overview. *Theory into Practice*, 60(3): 250-258.
- Zimmerman, B. J. 2000. Attaining self-regulation: A social cognitive perspective. In M. Boekaerts, P. R. Pintrich, & M. Zeidner (Eds.), *Handbook of self-regulation* (pp. 13–39). Academic Press.
- Zimmerman, B. J. 2002. Becoming a self-regulated learner: An overview. *Theory Into Practice*, 41(2): 64–70.